



كرداهان نكردى قءء ولءر اللءماء

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KULIM

09000 KULIM

KEDAH DARUL AMAN

IKLAN KERJA UNDI DALAM TALIAN (ONLINE) PERUNTUKAN KEMENTERIAN EKONOMI PERINGKAT DAERAH KULIM

1. Kerja Undi adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera Gred G1 yang mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), serta memiliki Sijil Taraf Bumiputra (STB) beralamat di Daerah Kulim yang mempunyai rekod kerja bersih daripada agensi-agensi kerajaan. Senarai kerja undi adalah seperti di Lampiran A.
2. Bagi kontraktor-kontraktor yang telah berdaftar dan membuat bayaran melalui Sistem Pendaftaran Kontraktor/Pembekal/Firma Perunding secara dalam talian IDAFTAR adalah LAYAK untuk memasuki kerja undi.
3. Anda diminta untuk log masuk ke dalam Aplikasi iDAFTAR dan pilih butang "KERJA UNDI" pada 12 Februari 2024 (Isnin) bermula jam 12.01 pagi hingga 11.59 malam (1 hari sahaja) untuk pendaftaran. Bayaran tambahan sebanyak RM10.00 akan dikenakan bagi pendaftaran KERJA UNDI dan tidak akan dikembalikan sekiranya kontraktor TIDAK BERJAYA dalam Cabutan Kerja Undi. Sebarang urusan Pengecualian dan Kebenaran Khas dari CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN. Pendaftaran akan DITOLAK serta merta sekiranya pendaftaran yang dibuat secara dalam talian (online) adalah berganda (Melebihi 1 Pendaftaran).
4. Pemilik Syarikat yang dinamakan mestilah memastikan tempoh sah laku semua sijil seperti di nyatakan di perenggan 1 AKTIF sehingga JUN 2024. Kontraktor perlu memuat naik salinan sijil SSM, CIDB, SPKK, PPK, STB dan Resit Berdaftar dengan Kerajaan Negeri.
5. Mana-mana kontraktor yang TIDAK BERDAFTAR dengan Aplikasi iDAFTAR adalah TIDAK LAYAK menyertai kerja undi ini.
6. Tarikh dan masa Cabutan Undi Peringkat Pejabat Daerah dan Tanah Kulim adalah seperti ketetapan berikut :-

Tarikh : 14 Februari 2024 (Rabu)
Masa : 11.00 Pagi
Tempat : FB Live Pejabat Daerah Kulim.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD ZAINI BIN HAJI RAMLI.SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Daerah Kulim
Kedah Darul Aman

**SENARAI PROJEK KECIL BERIMPAK TINGGI (PEOPLE CENTRIC)
CABUTAN UNDI FASA 2**

JABATAN : PEJABAT DAERAH DAN TANAH KULIM

BIL	TAJUK PERMOHONAN	NILAI PERMOHONAN PROJEK
1	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI MASJID LABU BESAR , MUKIM BAGAN SENNA.	155,000.00
2	KERJA-KERJA MEMBINA TEMBOK PENAHAN TANAH DI MASJID AS-SOBIRIN KG PADANG CINA, MUKIM PADANG CINA, KULIM	100,000.00
3	MEMBAIKI/NAIKTARAF SURAU KG PAYA UNION, MUKIM SIDAM KANAN.	95,000.00
4	KERJA-KERJA MEMBINA TANDAS SURAU KAMPUNG TANJUNG BELIT SERTA KERJA BERKAITAN, MUKIM SIDAM KANAN	70,000.00
5	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SERTA KERJA BERKAITAN DI MASJID GUNUNG BONGSU, MUKIM TERAP	185,000.00
6	KERJA-KERJA MENAIKTARAF SURAU SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KG PERMATANG DURIAN, MUKIM NAGALILIT	85,000.00
7	KERJA-KERJA MENAIKTARAF DAN MENYELENGGARA LONGKANG DI MASJID KG BATU PUTEH, MUKIM PADANG CHINA, KULIM	153,400.00
JUMLAH KESELURUHAN		843,400.00